

# Bendung segera kes keganasan rumah tangga

**K**ebelakangan ini, berita mengenai keganasan rumah tangga sering kedengaran yang mencetuskan kebimbangan semua, khususnya pihak berkuasa. Keganasan rumah tangga kebiasaannya berulang dan berterusan walaupun selepas penceraian kerana pendera ingin terus berkuasa dan mahu mengawal mangsa dan kebanyakan pendera adalah dari golongan lelaki.

Berdasarkan statistik kes keganasan rumah tangga Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 3,343 kes keganasan rumah tangga dicatatkan antara Januari hingga September tahun ini.

**“  
Ia bukan  
sahaja  
membabitkan  
fizikal,  
bahkan  
emosi seperti  
cacian dan  
tohmahan  
terhadap  
mangsa”**

Kebiasaannya, kes keganasan rumah tangga yang berlaku membabitkan golongan wanita atau kanak-kanak. Namun, analisis terperinci berhubung kes ini melaporkan bahawa golongan berusia 60 tahun ke atas juga terbabit. Sebanyak 279 kes membabitkan warga tua dicatatkan.

Berdasarkan jumlah kes berkenaan, masyarakat perlu mengambil perhatian penuh terhadap kes ini dalam membantu pihak berkuasa. Sikap kurang prihatin masyarakat menyebabkan kes keganasan rumah tangga tidak dilaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab.

Umum mengetahui bahawa keganasan rumah tangga adalah perlakuan keganasan terhadap pasangan atau bekas pasangan. Ia bukan sahaja membabitkan fizikal, bahkan emosi seperti cacian dan tohmahan yang dilemparkan terhadap mangsa.

## **Lapor Talian Kasih 15999**

Mangsa juga takut untuk melaporkan kejadian kerana bimbang pandangan negatif masyarakat. Usah takut dalam melakukan laporan kepada pihak bertanggungjawab. Laporkan segera menerusi Talian Kasih 15999.

Pihak berwajib sentiasa berusaha melindungi mangsa keganasan rumah tangga dengan menggunakan segala peruntukan akta berkaitan. Dengan melaporkan kes kepada pihak berkuasa, ia sedikit sebanyak membantu menangani kes keganasan rumah tangga.

Mana-mana individu yang didapati melakukan keganasan boleh didakwa melalui Akta Keganasan Rumah Tangga (Akta 521) 1994, pindaan 2012 (Akta A414) yang boleh membawa hukuman denda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya jika disabit kesalahan.

**Firdaus Azahari,**

Fakulti Pengajian Bahasa Utama,  
Universiti Sains Islam Malaysia.